

**11/04/2016 - Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Perumahan Penjawat Awam
1Malaysia Putrajaya Fasa**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan bin Haji Md. Ikhsan,
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan;

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasim bin Hj. Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya;

Yang Berbahagia Datuk Seri Othman bin Hj Mahmood,
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri;

Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-wakil Kementerian dan Jabatan;

Naib-Naib Presiden dan Pegawai-Pegawai Kanan Perbadanan Putrajaya;

YBhg. Tan Sri, Datuk Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, barisan Pemaju, para Media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua bersama di dalam Majlis Perasmian Menandatangani Perjanjian Jual dan Beli (S&P) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Putrajaya, Fasa 1.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak penganjur, khususnya YBhg. Datuk Seri Hj.

Hasim bin Hj. Ismail, Presiden Perbadanan Putrajaya dan pasukannya di atas kesudian menjemput saya ke majlis hari ini dan juga di atas kesungguhan mereka dalam pembangunan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bagi kawasan Putrajaya. Syabas saya ucapkan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pada tanggal 30 Januari 2013, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji inisiatif atau pendekatan terbaik dalam membantu meringankan beban penjawat awam untuk memiliki rumah pertama khususnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Maka lahirlah idea bagi mewujudkan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. **Putrajaya**, sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, merupakan **lokasi pertama** yang berjaya melaksanakan dan membangunkan projek PPA1M.

4. Pada awalnya, Perbadanan Putrajaya telah diamanahkan untuk membangunkan 10,000 unit PPA1M. Walau bagaimanapun, dengan inisiatif dan galakan Kerajaan, Putrajaya kini bakal **membangunkan 17,500 unit PPA1M bagi Fasa pembangunan 1, 2 dan 3**. Bagi **PPA1M Fasa 1**, ia **dijangka siap sepenuhnya** pada tahun hadapan iaitu **2017**.

5. Secara keseluruhannya, **100,000 unit rumah akan dibina** di seluruh negara sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan. Ini bagi membantu penjawat awam di seluruh negara memiliki rumah impian mereka. Terdapat projek PPA1M di setiap negeri dan saya menjemput hadirin semua untuk **melayari laman web PPA1M di www.ppa1m.gov.my** untuk mengetahui dan memohon unit-unit kediaman yang ditawarkan. Sehingga kini, kita telah menerima **sejumlah 41,880 permohonan bagi 19,225 unit rumah yang ditawarkan**. Ini menunjukkan terdapat permintaan yang tinggi terhadap unit-unit kediaman PPA1M.

6. Saya berharap Unit PPA1M dan Perbadanan Putrajaya akan terus mengorak langkah di dalam usaha-usaha membangunkan PPA1M dan **memastikan ia siap dalam jangka masa yang disasarkan** oleh Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Saya amat teruja dengan kemajuan pembangunan PPA1M di Putrajaya yang telah **mencapai 30% hingga 50%**. Untuk makluman semua, seramai **7,872 pembeli PPA1M Putrajaya Fasa 1** akan menandatangani Perjanjian Jual dan Beli (S&P) mulai hari ini. **Tahniah kepada Para Pembeli PPA1M Fasa 1** dalam memiliki perumahan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan di kawasan Putrajaya.

8. Pihak Kerajaan **amat menitikberatkan mengenai rekabentuk dan kualiti perumahan** yang dibangunkan di kawasan Putrajaya. Pelbagai kemudahan disediakan termasuk kawasan rekreasi yang luas, kemudahan surau, dewan, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang permainan dan sebagainya.

9. Saya berharap agar kesemua penjawat awam dapat sama-sama memelihara keharmonian kawasan perumahan mereka dan turut serta di dalam majlis dan acara-acara yang dianjurkan di Putrajaya. Pada masa yang sama, perundangan dan peraturan semasa perlu dipatuhi untuk kebaikan semua.

10. Perbadanan Putrajaya bukan sahaja merancang dan membangunkan PPAIM di Putrajaya, malah telah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk **menguruskan dan menyelenggara PPAIM Putrajaya sepenuhnya** bagi kawasan Putrajaya. Oleh itu, saya berharap pihak Perbadanan Putrajaya dapat membuat perancangan yang baik bagi penyenggaraan 17,500 unit PPAIM di masa hadapan.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

11. Program PPA1M ini merupakan salah satu daripada program Kerajaan untuk para penjawat awam. Dengan kemudahan perumahan yang disediakan ini, saya berharap penjawat awam dapat menjalankan tugas mereka dengan **penuh fokus, komitmen, dedikasi dan integriti**.

12. Justeru itu, saya berharap agar semua pihak dapat mengekalkan rentak kecemerlangan dan meningkatkan produktiviti dalam mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran Negara serta kesejahteraan rakyat.

13. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kesemua Pemaju-Pemaju yang telah memberi komitmen yang terbaik kepada Putrajaya. Saya percaya, barisan pemaju PPA1M begitu berdedikasi dalam melaksanakan pembangunan projek ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi yang terlibat, perunding dan pihak urusetia majlis, yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan program PPA1M dilaksanakan dengan jayanya.

14. Dengan lafaz yang mulia *BismillahirRahmannirRahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN JUAL DAN BELI PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA (PPA1M) PUTRAJAYA FASA 1.**

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2054>